

Headline	Pengajaran kekecohan syor bina Cordoba House	Language	Malay
Date	14 Sep 2010	Page No	12
MediaTitle	Berita Harian	Article Size	416 cm²
Section	Nasional	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	11,782
Frequency	Daily	PRValue	35,345
Circ / Read	192,982 / 1,521,000		



Pengajaran kekecohan syor bina Cordoba House

Ramai Muslim Amerika kini mangsa prejudis bukan Islam



CADANGAN pembinaan Kompleks Islam, Cordoba House, oleh Imam Feisal Abdul Raof di kawasan sekitar peristiwa 9/11, New York, Amerika Syarikat, menjadi perhatian dunia. Apa juga keputusan Amerika Syarikat mengenai perkara ini akan menjadi satu lagi penanda aras kepada kedudukan hak kebebasan beragama di negara yang kononnya mendukung prinsip hak kebebasan beragama dalam Perlembagaannya, negara yang kononnya menjamin prinsip hak asasi.

Sementara itu, ramai yang mengecam Presiden Barack Obama kerana kenyataan beliau yang memihak kepada Muslim Amerika. Obama mengiktiraf hak kebebasan orang Islam Amerika Syarikat untuk membina rumah ibadat berdasarkan prinsip 'free exercise' - kebebasan mengamalkan agama.

Seterusnya, cadangan pembinaan Cordoba House ini juga menjadi subjek politik yang melatari kempen pilihan raya separuh penggal Amerika Syarikat. Penganalisis menjangkakan beberapa ahli politik akan hilang kepercayaan pengundi kerana isu ini.

Ramai rakyat Amerika yang prejudis terhadap Islam tidak bersetuju dengan cadangan pembinaan ini dan demonstrasi menentang cadangan itu berlaku di merata tempat di Amerika Syarikat. Ekoran itu ramai Muslim Amerika menjadi mangsa prejudis bangsa Amerika bukan Islam.

Melalui kaji selidik yang dilakukan oleh pelbagai pihak, didapati majoriti rakyat Amerika tidak bersetuju dengan cadangan pembinaan itu. Alasan mereka pelbagai, tetapi alasan yang paling popular ialah lokasi cadangan pembinaan Cordoba House yang terletak tidak jauh dari peristiwa 9/11 itu tidak sesuai.

Headline	Pengajaran kekecohan syor bina Cordoba House	Language	Malay
Date	14 Sep 2010	Page No	12
MediaTitle	Berita Harian	Article Size	416 cm²
Section	Nasional	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	11,782
Frequency	Daily	PRValue	35,345
Circ / Read	192,982 / 1,521,000		

Hujah mereka ialah, pembinaan itu tidak menghormati keluarga mangsa korban 9/11. Pada mereka cadangan berkenaan tidak mengambil kira perasaan sedih keluarga mangsa. Oleh itu, mereka mencadangkan supaya cadangan pembinaannya dibatalkan, atau jika perlu, dibina jauh daripada tempat peristiwa 9/11.

Berkisar debat mengenai Cordoba House ini kita dapat mempelajari beberapa perkara serta mengambil iktibar daripadanya. Antaranya, agama Islam sentiasa menjadi seteru dalam tamadun Barat. Terutama selepas peristiwa 9/11. Pada pengamatan saya itu sebenarnya yang menjadi punca perelisihan atau pertembungan pendapat mengenai cadangan pembinaan Cordoba House ini. Ia bukanlah sangat sensitiviti kemanusiaan atau perasaan timbang rasa terhadap keluarga mangsa.

Kedua, perkara berkaitan agama amatlah sensitif. Persoalan sensitiviti ini tidak terhad kepada masyarakat yang majoriti ahlinya mementingkan agama seperti Malaysia saja, malah ia wujud dalam masyarakat yang mengutamakan hak kebebasan lebih daripada kedudukan agama seperti Amerika Syarikat.

Atas apa alasan sekalipun perasaan sensitiviti itu lahir, sama ada dasar agama atau kemanusiaan, apa yang jelas ialah, setiap masyarakat melihat sesuatu perkara menurut nilai yang ada di dalam masyarakat berkenaan.

Hatta masyarakat Amerika yang rata-rata digambarkan sebagai masyarakat yang tidak mempunyai amalan budaya atau agama tertentu masih lagi berasa sensitif apabila persoalan berkaitan agama dibangkitkan. Oleh itu, masyarakat Malaysia yang berbudaya dan mempunyai nilai agama yang tertentu sudah tentu mempunyai sensitiviti yang begitu tebal.

Perasaan sensitiviti agama sebenarnya amat bergantung kepada nilai atau budaya yang menjadi amalan di sesuatu tempat. Atas dasar ini juga banyak masyarakat beragama menghukum secara perundangan perlakuan yang menyebabkan sensitiviti agama terguris.

Kanun Keseksaan contohnya, menerusi peruntukan mengikut Bahagian XV menjenayahkan perbuatan yang boleh dianggap menghina agama. Oleh itu, apa juga perkara berkaitan agama, sama ada agama Islam atau agama lain, amalan dan budaya sesuatu tempat harus diberi perhatian sewajarnya. Penganut agama tidak harus memberi ukuran politik semata-mata.

Ketiga, atas alasan sensitiviti dan nilai, perkara berkaitan agama sentiasa menjadi subjek politik. Dalam banyak ketika perkara sensitif ini menjadi subjek eksploitasi politik. Kita tidak boleh mengelak atau menolak keadaan ini daripada berlaku.

Dalam amalan sistem demokrasi yang mengutamakan hak kebebasan ini, mahu atau tidak, misi agama tidak dapat dipisahkan daripada misi politik. Pernyataan untuk menolak percampuran antara keduanya, agama dan politik, adalah tidak realistik. Selagi ahli politik dan masyarakat umum masih menghormati agama atau masih ada perasaan empati terhadap agama, mereka akan tetap memperjuangkan atau paling kurang membuat penilaian terhadap sesuatu perkara menurut nilai agama yang ada di dalam minda dan amalan mereka.

Keadaan ini bukan saja berlaku di negara kita. Dalam kes Cordoba House ini, pengaruh keagamaan dan moral juga wujud di Amerika Syarikat walaupun negara ini sering kali dilaungkan sebagai sebuah negara demokrasi yang menolak percampuran antara agama dan politik (yang sebenarnya tidak benar).

Cordoba House dijadikan isu politik. Ini amat jelas sekali apabila ramai penganalisa menyebut Cordoba House antara faktor yang akan menentukan masa depan sesetengah ahli politik negara terbabit.

Sebagai rumusan, apa yang dapat kita pelajari ialah, perkara berkaitan agama tidak boleh tidak sentiasa menjadi perhatian dan ia hendaklah dikendalikan dengan sebaik mungkin supaya semua pihak berpuas hati dan dapat menerima keadaan seadanya. Masyarakat keseluruhannya pula hendaklah berfikir dan bertindak secara matang. Mereka tidak seharusnya mengambil peluang daripada keadaan.



Masyarakat Amerika yang rata-rata digambarkan sebagai masyarakat yang tidak mempunyai amalan budaya atau agama tertentu masih lagi berasa sensitif apabila persoalan berkaitan agama dibangkitkan. Oleh itu, masyarakat Malaysia yang berbudaya dan mempunyai nilai agama yang tertentu sudah tentu mempunyai sensitiviti yang begitu tebal”

Penulis ialah Penolong Profesor Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.